

SOALAN LAZIM UNIT UPKP

Apakah yang patut dilakukan sekiranya **berlaku kesilapan atau perubahan email** di dalam **Sistem eVendor**?

Jawapan:

Pengguna hanya perlu mengemaskini **Borang Pendaftaran/Penamatan Penerima Bayaran Igfmas (Borang PPViGFMAS/20171230/V1)** di **ruangan email** dengan mengisi email yang terbaru.

Jika pengguna menghadapi **kesulitan** di dalam mengisi borang berkenaan, bolehlah menghubungi Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perlis (JANM Perlis) di talian 04-9762766, **Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan**.

SOALAN

Saya masih belum mendapat pengesahan emel permohonan eVendor yang telah saya buat di dalam sistem eVendor walaupun telah mencapai tempoh satu minggu pendaftaran tersebut dibuat.

JAWAPAN

Tuan/puan perlu menukar katalaluan dan sila ikuti langkah-langkah seperti di bawah:

- Sila layari pautan www.evendor.anm.gov.my.
- Pilih "Tukar Kata Laluan".
- Daftar masuk emel yang telah didaftarkan.
- Pilih butang "Hantar".
- Katalaluan baru akan dihantar ke dalam emel tersebut dan ikut arahan yang tertera.

SOALAN

Saya telah menjawab maklumbalas solman berkaitan borang capaian lebih daripada 2 hari, tetapi masih tiada maklumbalas jawapan daripada pihak Jabatan Akauntan.

JAWAPAN

Selepas tuan/puan memberi maklumbalas dalam solman, tuan/puan perlu menukar status dari "customer action" kepada "customer response"

SOALAN

Adakah Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu mengisi Kad Keras AP 11 yang lama untuk dihantar ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia sebagai simpanan ?

JAWAPAN

Tidak perlu isi Kad Keras AP 11. PTJ hanya perlu menghantar salinan Kelulusan Penurunan Kuasa dan Had Berbelanja. Sila rujuk Lampiran A9 Borang AP 101 dalam SPANM Bil. 6/2018.

SOALAN

Bolehkah Pegawai Padanan Bayaran dalam masa yang sama menjadi Pegawai Peraku 2?

JAWAPAN

Tidak boleh. Pegawai Padanan Bayaran di ePerolehan secara automatik menjadi Pegawai Penyedia di iGFMAS. Peraku 2 mestilah lebih kanan dari Peraku 1 dan Penyedia . Walaubagaimanapun, ianya adalah tertakluk kepada Kelulusan Pegawai Pengawal. Sila rujuk SPANM Bil. 6/2018.